

## **FAQ BERKAITAN TAWARAN REBAT 10% KEPADA PEMINJAM/ PENERIMA BIAYA PINJAMAN/ PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN**

### **SOALAN 1**

Siapakah yang layak menerima tawaran rebat 10% ini?

#### **Jawapan**

Peminjam/ penerima biaya PTPTN yang membuat ansuran bayaran balik pinjaman/ pembiayaan mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan, atau melebihi jumlah ansuran yang ditetapkan selama **dua belas (12) bulan berturut-turut atau dua belas (12) bulan ke hadapan** mulai tarikh **1 Oktober 2012 sehingga 31 Disember 2015** dan **masih mempunyai baki hutang pada bulan ke-13** layak mendapat rebat ini.

### **SOALAN 2**

Adakah saya perlu membuat permohonan untuk mendapat rebat 10% ini?

#### **Jawapan**

**Tidak perlu.** Ia akan dikira selepas dua belas (12) kali bayaran balik ansuran mengikut jadual bayaran balik dilakukan secara berturut-turut atau dua belas (12) bulan ke hadapan.

### **SOALAN 3**

Dalam bentuk apakah rebat 10% ini diberikan?

#### **Jawapan**

Rebat 10% ini diberikan dalam bentuk pelarasan akaun. Rebate ini tidak diserahkan secara tunai kepada peminjam tetapi ditolak terus daripada baki semasa pinjaman.

#### **SOALAN 4**

Bilakah rebat 10% ini akan dikemaskini dalam akaun saya?

#### **Jawapan**

Kemaskini rebat 10% ini akan dibuat setelah anda membuat bayaran balik secara konsisten selama 12 bulan berturut-turut mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan. Pelarasan akaun akan dibuat pada bulan ke 13 sekiranya masih terdapat baki hutang pada bulan berkenaan.

#### **SOALAN 5**

Saya telah membuat bayaran balik pada setiap bulan mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan sejak dahulu. Adakah saya layak untuk mendapat rebat 10%?

#### **Jawapan :**

Anda layak mendapat rebat 10% ini mulai pembayaran 1 Oktober 2012 sehingga 31 Disember 2015. Bayaran balik yang dibuat sebelum 1 Oktober 2012 tidak diambilkira bagi pemberian rebat ini.

#### **SOALAN 6**

Saya membuat bayaran balik melalui kaedah potongan gaji, adakah saya layak mendapat rebat 10%?

#### **Jawapan :**

**Layak** sekiranya potongan gaji dibuat berdasarkan ansuran jadual bayaran balik yang ditetapkan. Rebat hanya diberi bagi amaun potongan gaji bermula 1 Oktober 2012 sehingga 31 Disember 2015.

### SOALAN 7

Saya telah membuat bayaran ansuran bulanan **melebihi** daripada ansuran bulanan yang ditetapkan selama dua belas (12) bulan berturut-turut, adakah saya layak untuk mendapat rebat 10%?

#### Jawapan

**Layak.** Rebate 10% diberikan berdasarkan kepada jumlah ansuran keseluruhan yang dibuat dalam tempoh berkenaan.

#### Contoh pengiraan:

Ansuran bulanan mengikut jadual bayaran balik:	RM175.00
Ansuran bulanan sebenar:	RM250.00
Jumlah ansuran sebenar bayaran balik:	RM3,000.00 (RM250.00 x 12 bulan).
Jumlah rebat 10% yang diperolehi:	RM300.00 (10% x RM3,000.00).

### SOALAN 8

Saya membuat bayaran balik setiap bulan secara konsisten selama 12 bulan berturut-turut, tetapi tidak mengikut jumlah jadual bayaran balik iaitu dengan **jumlah ansuran kurang** daripada yang ditetapkan. Adakah saya layak mendapat rebat 10% ini?

#### Jawapan

**Tidak layak.** Rebate 10% hanya diberikan kepada peminjam yang membuat bayaran ansuran berdasarkan kepada jadual bayaran balik yang ditetapkan.

### **SOALAN 9**

Sekiranya saya membuat bayaran balik melalui kaedah potongan gaji tetapi terdapat kesilapan potongan gaji atau lewat diremitkan oleh majikan. Adakah saya layak menerima rebat 10% ini?

#### **Jawapan**

**Layak** setelah pengesahan semula dilakukan oleh pihak majikan kepada PTPTN.

### **SOALAN 10**

Saya telah membuat bayaran balik melalui Arahan Tetap (*Standing Instruction – SI*) tetapi mengikut rekod PTPTN terdapat bayaran balik yang tidak diterima dalam tempoh 12 bulan?

#### **Jawapan :**

Semakan akan dilakukan dan kelayakan akan ditentukan berdasarkan kepada semakan PTPTN dan pihak bank.

### **SOALAN 11**

Saya telah dikenakan tindakan/ penghakiman, tetapi membuat bayaran balik secara ansuran berturutan selama dua belas (12) bulan. Adakah saya layak untuk pemberian rebat 10%?

#### **Jawapan**

**Layak** sekiranya ansuran bayaran balik berasaskan jumlah bayaran yang dipersetujui semasa rundingan selepas penghakiman.

### **SOALAN 12**

Sekiranya saya mempunyai lebih daripada satu (1) pinjaman, adakah saya layak untuk menerima rebat 10%?

#### **Jawapan**

**Layak** jika bayaran balik bagi kedua-dua pinjaman dibuat berdasarkan jadual bayaran balik yang telah ditetapkan.

### **SOALAN 13**

Saya membuat bayaran balik tetapi tidak konsisten (kadang-kadang mengikut jadual bayaran balik, kadang-kadang kurang), dan telah membuat bayaran balik dua belas (12) bulan berterusan sebelum ini, adakah saya layak untuk mendapat rebat 10%?

#### **Jawapan**

**Tidak layak.** Bayaran balik mesti dilakukan mengikut jadual bayaran balik yang telah ditetapkan. Rebate 10% hanya diberikan untuk ansuran berturut-turut selama dua belas (12) bulan atau dua belas (12) bulan ke hadapan mengikut jadual bayaran balik yang telah ditetapkan.

### **SOALAN 14**

Saya membuat bayaran balik sekali (melalui KWSP), adakah saya layak untuk mendapat pemberian rebat 10%?

#### **Jawapan**

**Layak** sekiranya amaun bayaran balik daripada KWSP sama atau melebihi ansuran bayaran balik bagi tempoh dua belas (12) bulan.